

ralat & rareat

Bersama
DR. AHMAD ISMAIL

Siri 53

'Penyu menangis kenang nasib'



PENYU juga merupakan antara spesies haiwan yang terancam kepupusan sekiranya tidak dijaga dengan baik.

Perkara penting untuk pemuliharaan penyu ialah memberikan pendidikan kepada masyarakat dunia, menjaga habitatnya daripada terganggu dan ancaman semasa penghijrahan mereka.

Ada dua kumpulan spesies penyu terancam ini iaitu yang dipanggil sebagai tuntung dan penyu. Kumpulan tuntung hidup di kawasan sungai, manakala penyu di laut. Selalunya apabila kita berbicara tentang penyu kita selalu merujuk kepada penyu laut yang berhijrah jauh dari negara lain dan bertelur di beberapa tempat di Malaysia.

Ada beberapa tempat penting yang menjadi kawasan pendaratan penyu dan sekarang menjadi tarikan utama pelancong negara. Bagi menarik minat seluruh penduduk di dunia terhadap pemuliharaan penyu, maka Hari Penyu Sedunia dilancarkan dan disambut di seluruh dunia pada setiap tahun.

Seperti sambutan hari-hari lain berkaitan alam sekitar, hidupan liar atau biodiversiti, tujuan sambutan Hari Penyu Sedunia pada 23 Mei setiap tahun, adalah untuk menarik perhatian masyarakat dunia terhadap penyu.

Tujuan sambutan juga bertujuan memberi pengetahuan tentang penyu kepada umum

bagi membantu program pemuliharaannya agar terus selamat meneruskan generasinya.

Pengisian sambutan tersebut diisi dengan berbagai-bagai cara seperti sambutan hari-hari lain juga iaitu memberi pengetahuan dan kesedaran awam tentang penyu dari peringkat kanak-kanak hingga ke dewasa dan orang awam hingga penglibatan badan sukarela serta kerajaan.

Program tersebut diisi dengan seminar, membincangkan tentang penyelidikan serta bersama agensi kerajaan dalam penguatkuasaan, dan pemuliharaan penyu serta tuntung. Malaysia juga turut menyambut Hari Penyu Sedunia baru-baru ini.

Di Malaysia, terdapat juga kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam pemuliharaan penyu. Antara NGO-NGO itu ialah Persatuan Konservasi Penyu Malaysia, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Dana Sedunia Alam Semula Jadi (WWF).

Agensi-agensi ini menjalankan aktiviti berkala sepanjang tahun seperti pendidikan, penyediaan risalah untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang pentingnya pemuliharaan penyu, menganjurkan aktiviti



BATU Penyu di Pantai Rantau Abang antara aset pelancongan Terengganu yang harus diberi perhatian.

sukarelawan pembersihan pantai dan pemantauan pendaratan penyu, bekerjasama dengan semua agensi yang melindungi penyu dan membuat promosi besar-besaran tentang pemuliharaan penyu.

Terdapat banyak aktiviti sukarelawan yang dianjurkan oleh NGO berkaitan bersama penduduk tempatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan dan agensi pelancongan tempatan serta pihak berkuasa tempatan (PBT). Antaranya ialah program

sukarelawan penyu di Pantai Juara Pulau Tioman yang dianjurkan oleh kumpulan individu, program penyu karah di Melaka yang kendalikan oleh WWF, dan beberapa lagi program sukarelawan di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu.

Ada juga penglibatan sukarelawan dalam kalangan pelajar dan mahasiswa. Daripada tujuh spesies penyu yang wujud di dunia, empat spesies penyu ini terdapat di Malaysia. Jenis-jenis penyu yang popular di Malaysia adalah penyu lipas, penyu belimbing, penyu karah dan penyu agar.

Di Malaysia, kawasan utama pendaratan penyu adalah di Rantau Abang, Terengganu dan pernah juga dilaporkan di Johor dan Sarawak. Berdasarkan laporan, populasi penyu ini menurun sehingga 99.9 peratus.

Setiap tahun hanya direkodkan sebanyak empat sarang setahun berbanding pada tahun 1950-an yang merekodkan lebih daripada 10,000 sarang. Penyu ini menujui kepupusan sekiranya tidak dijaga

PENYU yang dilepaskan di Pusat Penerangan dan Konservasi Penyu Geliga di Kemaman, Terengganu.

dan dilindungi dengan baik.

Semua pihak seluruh dunia mesti bekerjasama dan mengambil tindakan segera dalam pemuliharaan penyu belimbing ini. Penyu karah atau penyu sisik *Eretmochelys imbricata* adalah antara yang sering dilihat di perairan Malaysia. Spesies penyu ini juga disenaraikan oleh Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perdagangan Spesies Liar Flora dan Fauna Terancam (CITES) dan Kesatuan Antarabangsa Mengenai Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) pada tahun 2009 sebagai sangat terancam.

Saiznya antara 70 hingga 90 sentimeter (cm) dengan berat badannya antara 30 hingga 70 kg, selalu dilaporkan bersarang di Pulau Gulisaan dan Pulau Sipadan di Sabah, Kampung Kamunting dan Pulau Upeh (Melaka), Pulau Tioman (Pahang) dan Pulau Redang di Terengganu. Makanan kegemaran mereka termasuklah span di kawasan terumbu karang.

Penyu pulau atau penyu agar *Chelonia mydas* juga disenaraikan sebagai terancam oleh senarai merah IUCN 2009 dan CITES. Saiz penyu ini antara 90 hingga 110 cm dan berat badannya antara 110 hingga 180 kg. Makanan utamanya adalah rumput laut, alga dan obor-obor. Penyu ini tersebar di kawasan laut tropika.

Di Malaysia penyu ini selalu terdapat bersarang di kawasan pantai Sabah dan Sarawak; Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Tenggol (Terengganu); Pulau Tioman (Pahang); dan Segari di Perak. Penyu agar ini bertelur sebanyak antara 30 hingga 160 biji selama sembilang hingga 12 hari. Frekuensi bersarang dalam masa tiga hingga

lima tahun. Bilangan pendaratan penyu yang sangat berkurang memerlukan perhatian yang lebih daripada semua pihak.

Sejak 1997 lagi, hanya 18 ekor penyu lipas dilaporkan mendarat di Semenanjung Malaysia, penyu belimbing (44), penyu karah (368) penyu agar (3,327). Kita tahu penyu boleh berenang beribu-ribu kilometer. Misalnya dalam kajian penyu agar boleh berenang dari Terengganu ke perairan Filipina dan Indonesia. Penyu belimbing dilaporkan suka di kawasan yang lebih sejuk dan datang ke tempat panas seperti Malaysia untuk bertelur.

Penyu juga boleh menyelam selama dua jam tanpa mengambil udara di permukaan. Penyu selalu bertelur pada tempat yang sama setiap tahun. Secara umumnya di Semenanjung Malaysia, penyu selalu bertelur dalam bulan Mei hingga Ogos bagi penyu belimbing, penyu karah dan penyu pulau (Mac hingga Jun), manakala penyu lipas (April hingga September) setiap tahun.

Secara amnya penyu belimbing bertelur antara 60 hingga 100 biji, penyu karah (130 biji), penyu pulau (antara 100 hingga 140 biji) dan penyu lipas (100 biji). Penyu boleh bertelur empat atau lima kali setiap musim, berehat di laut sembilang hingga 14 hari sebelum naik bertelur semula di pantai.

Kebanyakan penyu bertelur setiap dua atau tiga tahun. Penyu bertelur pada waktu malam yang lebih sejuk berbanding dengan waktu siang, dan kurang haiwan pemangsa yang memakan telur seperti biawak dan burung.

Waktu malam juga kurang bising dan kurang cahaya.



PROGRAM melepaskan penyu oleh Jabatan Perikanan di Pusat Penerangan dan Konservasi Penyu Geliga di Kemaman, Terengganu.

Kerjasama bersepadu agensi berkaitan penting

JABATAN Perikanan melaksanakan program pengurusan dan pemuliharaan penyu sejak tahun 1990-an sehingga sekarang. Hal berkaitan penyu termaktub dalam enakmen dan ordinan negeri tertakluk bawah kuasa kerajaan negeri. Kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia juga memberikan tanggungjawab pengurusan penyu ini kepada Jabatan Perikanan.

Bagi Negeri Sabah, aktiviti pengurusan penyu diletakkan bawah pengurusan Taman-taman Sabah, manakala di Negeri Sarawak pula diletakkan bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

Negeri-negeri yang mempunyai pendaratan penyu di pantainya adalah Negeri Terengganu (penyu belimbing, penyu agar, penyu karah dan penyu lipas); Negeri Pahang (penyu agar dan penyu karah), Negeri Johor (penyu agar, penyu karah, penyu lipas), Negeri Melaka (penyu karah), Negeri Perak (penyu agar) dan Negeri Pulau Pinang (penyu agar).

Jabatan Perikanan menetapkan panduan dan pelan tindakan yang jelas bagi melaksanakan program pengurusan dan pemuliharaan penyu yang berkesan. Program bersepadu ini melibatkan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi pendidikan.

Namun masih lagi terdapat kekangan dari segi penglibatan secara serius agensi tempatan di kawasan pendaratan penyu di Semenanjung Malaysia. Di setiap kawasan pendaratan penyu

sepatutnya terdapat agensi yang bergabung tenaga dalam hal-hal berkaitan perlindungan dan pemuliharaan penyu seperti penyediaan peruntukan kewangan, aktiviti pendidikan, promosi, pemantauan, perancangan pembangunan pantai dan penyelidikan yang berterusan.

Mungkin setiap kawasan mempunyai satu sekretariat khas yang diselaraskan yang terdiri daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), persatuan penduduk, penyelidik dari universiti, swasta, persatuan nelayan, agensi pelancongan, NGO dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Sekretariat ini bolehlah diketuai dan diselaraskan oleh Jabatan Perikanan bagi penyu. Jika tanpa struktur organisasi yang bersepadu program pemuliharaan dan perlindungan penyu dan tuntung ini kurang berkesan dan akan terus menghadapi ancaman kepupusan.

Pembangunan kawasan pantai untuk pelancongan mungkin juga mengganggu pendaratan penyu.

Gangguan cahaya yang terang, bilangan pelancong yang ramai dan perubahan keadaan semula jadi pantai termasuk hakisan pantai serta pencemaran pantai oleh bahan kimia seperti racun perosak, minyak dan sebagainya, juga mungkin mempengaruhi pendaratan penyu.

Kajian terperinci perlu dibuat di kawasan sensitif penyu termasuklah antaranya laluan penyu sekiranya kita ingin melihat penyu terus ada di dunia ini.

INFO

■ Terdapat enam Pusat Pemuliharaan dan Penerangan Penyu yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perikanan di Semenanjung Malaysia.

■ Pusat tersebut bertujuan melaksanakan program pengurusan dan pemuliharaan penyu.

■ Pusat-pusat berkenaan adalah:

- Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Terengganu.
- Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Ma'Daerah, Kerteh, Terengganu.
- Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Cherating, Pahang.
- Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Padang Kemunting, Pangkalan Balak, Melaka.
- Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Segari, Perak.
- Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pantai Kerachut, Pulau Pinang.

■ Pusat ini menjalankan aktiviti penyelidikan, pemantauan, penetasan penyu, dan pendidikan.

■ Antara aktiviti penyelidikan yang dijalankan adalah:

- Pergerakan penyu di kawasan pantai pendaratan
- Mengesan aktiviti nelayan menggunakan mata kail dan pukot.
- Impak kejayaan penetasan.
- Impak penggunaan teknologi mengelakkan penyu terperangkap dalam pukot
- Impak perubahan cuaca dunia ke atas populasi penyu.



SANTUARI penyu bertelur.